



Headline: Warga emas rugi RM73,000
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 28 September 2018

Language: Malay
Section: Sentral
Page: 18

Warga emas rugi RM73,000

KUANTAN - Dua warga emas kerugian RM73,000 selepas dipercayai diperdaya anggota sindiket penipuan Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai bank dan polis.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata, kedua-dua mangsa yang berusia 63 dan 69 tahun itu ditipu menggunakan modus operandi sama.

"Pengadu menerima panggilan mengaku wakil dari Public Bank Seremban dan mengatakan dia pernah membuat pinjaman wang peribadi sebanyak RM70,000 dan gagal membuat bayaran tunggakan selama 3 bulan.

"Namun, menurutnya, kedua-dua mangsa menafikan perkara tersebut sebelum talian tersebut disambungkan

dengan seorang yang mendakwa pegawai polis dan memaklumkan mangsa terlibat dengan kes dadah dan aset perlu dibekukan," katanya kepada Sinar Harian ketika dihubungi di sini, semalam.

Menurutnya, mangsa yang mahu mengelakkan aset dibekukan telah bertindak memindahkan kesemua wang mereka ke dalam akaun seperti diberikan pegawai polis terbabit.

"Akibat dibelenggu perasaan takut, pengadu berumur 63 tahun memasukkan wang berjumlah RM53,000 manakala seorang lagi memasukkan RM20,000 ke dalam akaun CIMB Bank yang berbeza nama.

"Selepas itu barulah kedua-dua mangsa sedar mereka telah ditipu dan membuat laporan polis untuk tindakan lanjut," katanya.